

Headline	Semua pihak perlu komited banteras Aids Liow		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	02 Dec 2011	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	I-9	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	136 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 280
Frequency	Daily	PR Value	RM 840



Semua pihak perlu komited banteras Aids: Liow

PUTRAJAYA Kerajaan meminta semua pihak untuk membuat komitmen bagi membanteras Aids dan pada masa sama menyempurna serta memperkukuhkan komitmen terdahulu untuk menangani epidemik HIV/Aids, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai.

Beliau berkata kerajaan komited untuk memastikan kemudahan kepada pencegahan, rawatan, penjagaan dan sokongan diberikan secara saksama serta menyeluruh selain hak individu dipelihara dan akan memastikan agenda membanteras HIV/Aids diteruskan.

"Jangkitan HIV/Aids telah melanda dunia memasuki tahun ke-30 dan bagi Malaysia, kes jangkitan HIV yang pertama dikesan pada tahun 1986, dan sehingga September 2011, seramai 93,827 kes jangkitan HIV telah dikesan.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 17,232 (18.4 peratus) dikesan sebagai pesakit Aids, dan 14,804 (15.8 peratus) pula adalah kematian berkaitan HIV dan Aids," katanya dalam perutusan yang dikeluarkan di sini sempena Hari Aids Sedunia dengan tema global "Menuju Sifar - Sifar Jangkitan HIV Baru, Sifar Diskriminasi dan Sifar Kematian Berkaitan Aids 2011-2015" pada Khamis.

Beliau berkata bagi Malaysia, slogan "Ke Arah Eliminasi Transmisi Vertikal" iaitu transmisi dari ibu kepada anak dalam kandungan dipilih bagi mengiringi tema global itu.

Liow berkata kerajaan mengulangi komitmennya untuk menangani HIV/Aids serta memastikan golongan yang amat berisiko tinggi (MARPS) diberi perhatian sewajarnya.

Beliau berkata jangkitan daripada ibu kepada anak (transmisi vertikal) diambil perhatian serius dan akan memastikan jangkitan ini dapat dihindar sepenuhnya menjelang tahun 2015.

Usaha-usaha menangani HIV akan diteruskan melalui Pelan Strategik Kebangsaan yang baru 2011-2015 untuk memerangi epidemik HIV/Aids di negara ini, katanya.

Beliau berkata kejadian kes HIV baru yang paling tinggi dilaporkan berlaku pada tahun 2002 iaitu seramai 6,978 kes atau 28.5 bagi setiap 100,000 penduduk dan kerajaan membuat sasaran untuk mengurangkan kadar kejadian kes-kes baru HIV kepada 11 bagi setiap 100,000 penduduk menjelang tahun 2015.

"Dengan langkah-langkah pencegahan penyakit yang dilaksanakan secara menyeluruh, mulai tahun 2003, bilangan kes baru HIV yang dikesan mula menurun kepada 6,756 kes, dan penurunan ini berlaku secara tetap.

"Tahun lalu, seramai 3,652 kes baru HIV telah dikesan dengan kadar 12.6 bagi setiap 100,000 penduduk. Bagi sembilan bulan pertama tahun ini, sebanyak 2,465 kes jangkitan HIV baru telah dilaporkan," katanya.

Liow berkata jika dibuat unjuran, bilangan kes HIV bagi tahun ini adalah seramai 3,286 kes atau dengan kadar 11.5 bagi setiap 100,000 penduduk dan berkemungkinan besar sasaran bagi tahun 2015 dapat dicapai lebih awal.

Beliau turut menyeru supaya fasiliti swasta yang belum melaksanakan ujian saringan HIV terhadap ibu-ibu mengandung bagi menangani transmisi vertikal agar melakukannya supaya liputan saringan HIV dapat dipertingkatkan kepada setiap ibu mengandung.

Program itu amat baik berikutan sejak ia dilaksanakan pada 1997, kadar ibu mengandung yang dikesan menghidap HIV amat rendah iaitu antara 0.02 dan 0.05 peratus, manakala bayi yang dikesan dijangkiti HIV melalui transmisi vertikal adalah sebanyak tiga peratus berbanding antara 30 dan 45 peratus sebelum ini. - Bernama